

CNS2811

R GB 06-10 00140 BH401

aab

MAHATHIR LAWAT LABUAN

Mahathir - Labuan

I

LABUAN, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang melawat Brunei, membuat penerbangan 20 minit dari Bandar Seri Begawan untuk meninjau projek-projek pembangunan di Labuan pagi tadi.

Beliau meninjau pembinaan projek perumahan Batu Manickar, yang dijadualkan memulakan operasi Disember ini, buat permulaan dengan 200 bilik.

Perdana Menteri juga melawat projek Dataran Labuan yang fasa pertamanya berharga \$2 juta hampir siap. Peringkat kedua pembinaan berharga \$5 juta akan bermula awal tahun depan.

Apabila siap sepenuhnya kelak, Dataran Labuan akan mempunyai sebuah padang untuk acara-acara istiadat dilengkapi dengan sebuah pentas dan astaka.

Dr Mahathir juga mendengar taklimat mengenai projek pembangunan lain yang disampaikan oleh Pengarah Pentadbiran pulau itu, Encik Abdul Rahman Haji Ali. -- Lagi

▼06/10/15-55MST

CNS2823

R GB 06-10 00097 BH402

aab

Mahathir - Labuan, 2 (Akhir) Labuan

Antara projek itu ialah marina berharga \$120 juta yang akan dibina berhampiran taman kewangan yang dicadangkan. Marina itu akan mempunyai hotel, apartmen dan kemudahan perniagaan terutama untuk menampung keperluan masyarakat ekspatriat.

Kerja-kerja pembinaan hotel 200 bilik milik Kumpulan Faber juga di jangka bermula tahun ini.

Dr Mahathir diirinyi oleh Tun Daim Zainuddin, yang mengetuai Lembaga Kemajuan Labuan, dalam lawatan itu.

Perdana Menteri kemudian berlepas balik ke Bandar Seri Begawan. Beliau dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur lewat petang ini. -- Bernama/AG

▼06/10/16-04MST